

10/07/2001

PKMM dakwa sistem penawaran tender tidak adil

Shamshul Azree Samshir

PERSATUAN Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) mahu kerajaan mengkaji semula sistem penawaran tender kepada gabungan atau konsortium kontraktor yang didakwa tidak adil serta menyekat peluang kontraktor kelas bawah terutama kelas F.

Presiden PKMM, Roslan Awang Chik, berkata kontrak kerajaan perlu diagihkan melalui kaedah lebih adil kerana ada pihak yang mendapat tender itu dipilih tanpa mengambil kira keperluan tempatan.

"Pernah berlaku, satu projek di Pahang ditawarkan kepada kontraktor yang beroperasi di Negeri Sembilan. Ini sudah tentu menimbulkan suasana kurang senang di kalangan kontraktor tempatan.

"Pelbagai isu boleh timbul disebabkan kontraktor itu tidak sensitif terhadap persekitaran selain kurang arif politik tempatan," katanya selepas perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 PKMM Perak di Ipoh, semalam.

Mesyuarat agung itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Usahawan dan Penerangan negeri, Datuk Ramly Zahari yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali.

Lebih setahun lalu, kontrak kerajaan termasuk membina sekolah dan jalan di pedalaman ditawarkan kepada gabungan atau konsortium yang rata-rata diwakili kontraktor kelas A.

Mengikut kebiasaan, gabungan atau konsortium akan mengagihkan kontrak atau tender kepada ahli mengikut kepakaran dan proses ini tidak mengambil kira sensitiviti dan politik setempat.

Roslan berkata, PKMM mencadangkan supaya senarai kontraktor ditentukan sendiri kerajaan negeri atau Menteri Besar, Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) atau Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kerana mereka lebih arif dengan masalah dan persekitaran setempat.

"Proses pemilihan kontrak tentu lebih adil jika mereka dipilih berdasarkan kepakaran dan faktor usahawan tempatan," katanya.

Roslan berkata, jawatankuasa tertinggi PKMM akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 7 Ogos ini bagi mengemukakan cadangan supaya prosedur penawaran kontrak kerajaan kepada konsortium dikaji semula.

"Dalam pertemuan itu, kita akan mengemukakan cadangan demi kepentingan kontraktor bawahan terutama kelas F," katanya.

Beliau berkata, nasib kontraktor kelas F akan terus diperjuangkan kerana 62 peratus daripada kontrak berlesen yang ditawarkan di negara ini membabitkan kontraktor kelas F.

(END)